



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

PROGRAM PEMANTAPAN PRESTASI TINGKATAN 5 MODUL 1

1249/3

SEJARAH

Kertas 3

2017

3 jam

Tiga jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas yang disediakan. Sekiranya helaian tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
3. *Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat pada kertas jawapan tersebut.*
4. *Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
5. *Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
6. *Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.*
7. *Anda dinasihati supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Tugasan ini mengandungi 3 halaman bercetak

TUGASAN SPESIFIK

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah melalui pelbagai rintangan dan cabaran, kini negara ini telah berjaya mewujudkan kestabilan politik, kaya dengan pelbagai budaya serta perkembangan ekonomi yang berdaya saing. Bincangkan.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Cadangan ke arah pembentukan Malaysia	5 markah
Isi dan huraian	2. Faktor-faktor pembentukan Malaysia a.) Faktor Politik b.) Faktor Ekonomi c.) Faktor Sosial	30 markah
	3. Reaksi negara luar terhadap pembentukan Malaysia	15 markah
	4. Peranan dan tujuan penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)	10 markah
	5. Pembentukan Malaysia dapat memberikan faedah kepada kemajuan negara kita.	10 markah
	6. Penyatuan negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia 1963 telah diterjemahkan dalam konsep 1 Malaysia. Ulaskan.	10 markah
	7. Cabaran dalam mengekalkan kemerdekaan negara dan langkah untuk mengatasinya.	10 markah
	8. Nyatakan nilai-nilai murni yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia	5 markah

Kesimpulan	<p>9. Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Pengetahuan yang diperoleh.(b) Iktibar/unsur patriotisme kepada diri, bangsa dan negara.(c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan berdaulat.	5 markah
------------	--	----------

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT